



جابتن حال إحوال إكمام إسلام قولوا فينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**ISRAK DAN MIKRAJ :**  
**TANDA KEKUASAAN DAN**  
**UJIAN KEIMANAN**



Tarikh Bacaan:  
**16 JANUARI 2026M / 26 REJAB 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa***  
***Panel Semakan Teks Khutbah***  
***Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Israk Dan Mikraj: Tanda Kekuasaan Dan Ujian Keimanan

16 Januari 2026M/ 26 Rejab 1447H  
(sempena Isra' Mikraj pada 27 Rejab)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ  
الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾ سورة الإسراء  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

## SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada hari Jumaat yang penuh keberkatan ini, khatib berpesan kepada diri sendiri serta para jemaah sekalian, bertakwalah sekalian kamu kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Dan janganlah kamu mati melainkan dalam keadaan Islam.

Mudah-mudahan, manifestasi ketaatan dan ketakwaan kita kepada Allah serta kecintaan yang menggunung tinggi terhadap junjungan besar Nabi Muhammad ﷺ, segala bala dan ujian yang diberikan pada waktu ini segera diangkat oleh Allah ﷻ.

Sebelum melanjutkan bicara, izinkan khatib memberi peringatan. Marilah kita tinggalkan seketika perkara lagha yang bertentangan dengan sunnah serta adab, iaitu tindakan yang memesongkan perhatian daripada mendengar khutbah dan isi kandungannya. Ini termasuklah perbuatan berbual-bual, tidur dengan sengaja dan bermain telefon bimbit.

Pada hari ini, mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk: **“Israk Dan Mikraj: Tanda Kekuasaan Dan Ujian Keimanan.”**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan satu perjalanan agung dan penuh keajaiban yang berlaku kepada junjungan besar Nabi Muhammad صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pada sebahagian malam atas kekuasaan dan kehendak Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dari Masjidil Haram di Mekah ke Masjidil Aqsa di Palestin, kemudian naik ke langit hingga ke Sidratul Muntaha. Baginda menembusi tujuh lapisan langit dan kembali semula ke Mekah pada malam yang sama.

Peristiwa ini dirakam melalui firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah al-Israk ayat 1 yang bermaksud:

*“Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada suatu malam dari Masjidil Haram (di Mekah) ke Masjidil Aqsa (di Palestin) yang telah Kami berkati sekelilingnya agar Kami perlihatkan kepadanya sebahagian daripada tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya Dialah yang Maha Mendengar lagi Maha Melihat”.*

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI,**

Para ulamak berbeza pendapat tentang tarikh sebenar berlakunya Israk dan Mikraj. Ibnu Ishak berpandangan ia berlaku selepas sepuluh tahun kerasulan, Imam Az-Zuhri menyebut setahun sebelum hijrah, manakala Al-Hafiz Abdul Ghani al-Maqdisi berpendapat ia berlaku pada 27 Rejab. Namun sebagaimana ditegaskan oleh Imam An-Nawawi dan Sheikh Yusuf al-Qardhawi, yang lebih utama ialah mengambil pengajaran daripada peristiwa agung ini, bukan sekadar mengingati tarikhnya.

### MUSLIMIN YANG DIKASIHI,

Sebelum peristiwa Israk dan Mikraj, Rasulullah diuji dengan kehilangan insan tersayang iaitu isterinya Khadijah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا dan bapa saudaranya Abu Talib. Dalam duka yang mendalam, Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ memperjalankan baginda untuk menyaksikan tanda-tanda kebesarannya. Ini menjadi isyarat bahawa di sebalik ujian, pasti ada rahmat.

Demikian juga kehidupan kita hari ini. Kita dilanda tekanan ekonomi, krisis moral dan fitnah media sosial. Ramai kehilangan arah, bahkan terdapat sebahagian anak-anak muda mula menjauh daripada agama. Maka, ayuh kembalilah kepada Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ sebagaimana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kembali kepada Tuhannya di malam Mikraj. Firman Allah dalam surah al-Insyirah ayat 5-6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٥﴾ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ﴿٦﴾

Maksudnya: “Maka sesungguhnya (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa setiap kesukaran disertai kemudahan. (Sekali lagi ditegaskan) bahawa sesungguhnya bersama kesukaran disertai kemudahan.”

## MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam perjalanan Israk dan Mikraj, Rasulullah ﷺ juga diperlihatkan pelbagai siksaan terhadap golongan yang derhaka yakni pemakan riba', penzina, pengumpat dan pemfitnah. Ini menjadi peringatan agar kita menjauhi segala bentuk maksiat, termasuk fitnah dan penghinaan di media sosial, yang kini begitu mudah dilakukan tanpa rasa bersalah.

Allah ﷻ juga memperlihatkan syurga kepada Rasulullah sebagai janji bahawa orang yang sabar dan beriman akan mendapat ganjaran yang besar di sisinya.

## SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Antara nikmat terbesar Israk dan Mikraj ialah perintah solat lima waktu. Ia diterima secara langsung oleh Nabi ﷺ tanpa perantaraan malaikat, menandakan kemuliaan solat sebagai tali penghubung antara hamba dan Tuhannya. Sabda Rasulullah ﷺ:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ، وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

Maksudnya: *"Pokok segala urusan ialah Islam, dan tiangnya ialah solat."*

(Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Namun hari ini, masih ramai dalam kalangan umat Islam yang melengah-lengahkan solat bahkan ada yang meninggalkannya. Sedangkan solat adalah tiang agama dan benteng pertama yang mampu

menahan diri daripada melakukan maksiat serta menenangkan hati yang gelisah dan jiwa yang resah. Dalam dunia moden yang serba pantas ini, solat ialah ruang kita berhenti seketika daripada hiruk pikuk dunia untuk menghadap Allah, mengadu segala keresahan serta memohon kekuatan menghadapi ujian kehidupan.

## **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,**

Peristiwa Israk dan Mikraj juga mengingatkan kita tentang kesucian Masjidil Aqsa di bumi Palestin. Saat ini, umat Islam di Gaza terus dizalimi, namun mereka tetap berpegang pada kalimah **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ**. Kita di Malaysia mesti menzahirkan solidariti, bukan sekadar dengan doa, tetapi dengan kesedaran, sumbangan dan perpaduan umat.

Israk dan Mikraj mengajar kita bahawa kemuliaan umat bukan diukur pada pangkat, kedudukan dan kemajuan duniawi semata-mata, tetapi pada ketaatan dan hubungan yang erat antara hamba dengan Tuhannya. Justeru itu, khatib mengakhiri khutbah dengan kesimpulan berikut:

**Pertama:** Peristiwa Israk dan Mikraj membuktikan kekuasaan Allah melangkaui batas akal dan logik manusia, serta menegaskan bahawa tiada sesuatu yang mustahil bagi Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**.

**Kedua:** Solat lima waktu merupakan hadiah agung yang Allah kurniakan secara langsung kepada Nabi **صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ** sebagai tanda kasih Allah kepada umat ini dan sebagai tali penghubung antara hamba dengan penciptanya.

**Ketiga:** Ujian hidup adalah sunnatullah dalam perjalanan iman menuju kemuliaan, sebagaimana Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ diuji dengan pelbagai kesedihan dan tekanan sebelum dimuliakan dengan peristiwa Israk dan Mikraj.

**Keempat:** Masjidil Aqsa bukan sekadar lokasi sejarah, bahkan simbol kesatuan akidah, kiblat para nabi dan amanah umat Islam yang wajib dipelihara dan dipertahankan maruahnyanya.

Firman Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى dalam surah an-Najm ayat 13-15:

وَلَقَدْ رَءَاهُ نَزْلَةً أُخْرَى ۝١٣ عِنْدَ سِدْرَةِ الْمُنْتَهَى ۝١٤ عِنْدَهَا جَنَّةُ الْمَأْوَى ۝١٥

Maksudnya: “Dan sesungguhnya dia (Muhammad) telah melihat (Malaikat Jibril dalam rupanya yang asal) sekali lagi. Iaitu di Sidratul Muntaha. Yang di sisinya terletak syurga Jannatul Ma’wa.”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِنَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاَعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang mengesyorkan agar seluruh masjid serta surau di seluruh Pulau Pinang melaungkan azan sebanyak dua (2) kali bagi waktu Subuh iaitu 1 jam sebelum Subuh dan ketika masuknya waktu Subuh.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ  
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينِ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
العَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَلايَةً فُؤَلَاوِ فَيُنِخْ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفِّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;  
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan  
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan  
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta  
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri

Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَائِي ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG